



Oleh **PROF. MADYA DR. MOHAMAD FAZLI SABRI**

Keperluan dana persaraan

MENURUT statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (2018) kadar jangka hayat dalam kalangan rakyat Malaysia semakin meningkat iaitu 78 tahun untuk wanita dan 73 tahun bagi lelaki.

Biasanya apabila menjelang usia persaraan, tahap kesihatan seseorang itu semakin menyusut dan perbelanjaan akan lebih tertumpu kepada keperluan penjagaan dan rawatan kesihatan.



Selain itu, kajian yang dilakukan oleh penulis dalam kalangan 600 orang penjawat awam di Malaysia mendapati, sebanyak 41.8 peratus responden menyatakan bahawa simpanan yang ada pada masa kini tidak cukup untuk menampung keperluan persaraan.

Biasanya keperluan untuk persaraan ditentukan berdasarkan tiga kaedah iaitu pendapatan, perbelanjaan dan simpanan.

Kaedah pendapatan merupakan kaedah paling mudah. Gunakan pendapatan semasa dan darabkan dengan faktor untuk menentukan berapa banyak yang anda perlukan untuk bersara.

Pakar mencadangkan faktor tersebut di antara lapan hingga 12 kali pendapatan anda. Secara mudah, sekiranya pendapatan tahunan anda sebanyak RM60,000 (RM5,000 sebulan), anda memerlukan antara RM480,000 hingga RM720,000 untuk bersara.

Namun terdapat sesetengah pakar mencadangkan untuk menggunakan anggaran pendapatan akhir anda. Kaedah ini membuat andaian bahawa kebanyakan orang memerlukan di antara 60 hingga 80 peratus daripada pendapatan sebelum bersara untuk menjalani tempoh persaraan mereka.

Kaedah perbelanjaan biasanya disediakan berdasarkan belanjawan bulanan anda.

Penyediaan bajet bulanan dapat memberi gambaran tentang keperluan perbelanjaan untuk tempoh persaraan dengan mengambil kira bahawa kemungkinan anda sudah tidak membuat simpanan dan beberapa bayaran ansuran bulanan misalnya pinjaman perumahan, pendidikan, peribadi dan kenderaan sudah selesai.

Andaikan perbelanjaan masa persaraan anda adalah sebanyak RM2,000 sebulan dan bagi tempoh satu tahun, perbelanjaan anda adalah sebanyak RM24,000. Andaian seterusnya ialah tempoh persaraan anda adalah selama 15 tahun [kadar jangka hayat (75 tahun) – umur persaraan (60 tahun)].

Keperluan dana persaraan yang anda perlukan adalah sebanyak RM360,000.00 (RM24,000 x 15 tahun).

Kaedah simpanan pula memerlukan seseorang untuk memperuntukkan sejumlah peratusan daripada pendapatan kasar biasanya gaji bulanan bagi tujuan simpanan. Peratusan yang dicadangkan adalah antara 10 hingga 20 peratus. Begitupun, ia bergantung kepada kedudukan kewangan seseorang.

Andaikan gaji kasar anda sebanyak RM4,000 sebulan, maka anda disarankan untuk membuat simpanan bulan sebanyak RM400.

Selain daripada tiga kaedah di atas, anda juga bebas untuk menggunakan kaedah lain.

● **PENULIS** ialah Timbalan Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia dan Ahli Majlis Kebangsaan, Majlis Perancangan Kewangan Malaysia.